

Received: 18 April 2020, Accepted: 14 July 2020, Published 13 November 2020

## PENGAJARAN REFLEKTIF BERTERASKAN NILAI ‘AL-SUHBAH’

REFLECTIVE TEACHING BASED ON THE VALUE OF ‘AL-SUHBAH’

Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi<sup>1</sup>, Mahfuzah Mohammed Zabidi<sup>2</sup>, Wan Nasyrudin Wan Abdullah<sup>3</sup>, Hamdi Ishak<sup>4</sup>, Haziyah Hussin<sup>5</sup>, Wan Qashishah Akmal Wan Razali<sup>6</sup>

<sup>1, 3, 4, 5</sup>**Pusat Kajian Al-Qur'an dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

<sup>2</sup>**Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pasir Gudang (UiTM)**

<sup>6</sup>**Institut Islam Hadhari  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

### Abstrak

Pengajaran Reflektif merupakan antara kaedah Pengajaran dan Pembelajaran yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan pendidik. Ia lebih terfokus kepada domain afektif pelajar, yang dilihat amat sesuai untuk diterapkan dalam konteks pelajar masa kini yang banyak terdedah dengan penggunaan teknologi. Namun, penggunaan teknologi dalam kaedah Pengajaran dan Pembelajaran ini perlu diimbangi dengan hubungan langsung antara guru dan murid. Justeru artikel ini menyerlahkan pendekatan ‘al-suhbah’ sebagai suatu pembaharuan dalam Pengajaran Reflektif dari sudut hubungan guru-murid yang efisyen bagi mencapai keseimbangan ketiga-tiga domain afektif, kognitif dan psikomotor pelajar. Melalui pendekatan ini, pelajar bukan sahaja dibimbing untuk menyelesaikan silibus subjek, bahkan juga diberi peluang untuk mengalami sendiri intipati subjek tersebut dalam bentuk program yang pelbagai. Kajian secara kualitatif ini melibatkan temubual dan pemerhatian terhadap 53 orang pelajar tahun tiga jurusan tafsir Al-Quran. Kajian ini berlangsung sepanjang Semester Satu bagi sesi 2019/2020 dalam kursus Pendidikan Al-Quran, di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Data-data yang diperolehi melalui refleksi secara penulisan dan lisan dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti dan disusun secara tematik bagi melihat kesan nilai al-Suhbah yang diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Melalui laporan refleksi yang diperolehi, para pelajar didapati telah mencapai kesan positif secara langsung dengan pendekatan *al-suhbah* ini, terutamanya dari sudut menghargai nilai kehidupan yang menjadi fokus dalam domain afektif itu sendiri.

*Kata kunci:* *Al-Suhbah*, Pendidikan Holistik, Pengajaran Reflektif

### **Abstract**

*Reflective Teaching is one of the most popular methods of teaching and learning among educators. It focuses more on the affective domain of students, which is seen as a great fit to apply in the context of today's highly exposed students with the use of technology. However, the use of technology in this teaching and learning method needs to be balanced with the direct relationship between teachers and students. This article therefore highlights the 'al-suhbah' approach as an innovation in Reflective Teaching from the point of view of effective teacher-student relationships to achieve a balance of the three affective, cognitive and psychomotor domains of students. Through this approach, students are not only guided to complete the subject syllabus but are also given the opportunity to experience the essence of the subject in a variety of programs. This qualitative study involved interviews and observations of 53 third-year students studying Quranic interpretation. This study is conducted during Semester One for the 2019/2020 session of the Quranic Education course, at the Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia. The data obtained through written and oral reflections were analyzed using Atlas.ti software and thematically organized to see the impact of the al-suhbah values that are integrated into the teaching and learning process. Through the reflection reports obtained, the students are found to have had a direct positive impact on this al-suhbah approach, especially in understanding the value of life that is the focus of the affective domain itself.*

*Keywords:* *Al-Suhbah*, Holistic Education, Reflective Teaching

### **1.0 PENGENALAN**

Pengajaran Reflektif merupakan salah satu daripada elemen yang terdapat dalam Pembelajaran Komprehensif yang bermula dengan orientasi, dan disusuli dengan eksplorasi, pengukuhan dan penyimpulan sekaligus menggabungkan domain kognitif, afektif dan psikomotor pelajar secara bersepadu. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) sebegini adalah lebih berpusat kepada pelajar berbanding kaedah biasa yang berpusat kepada guru (Usep Supriatna, 2016).

Tujuan pengajaran reflektif adalah untuk membangkit nilai dalam membentuk kemandirian dan swadaya pelajar (Brockbank, Anne, McGill, Ian 2006). Proses pembentukan nilai dalam pengajaran reflektif merupakan rentetan perkembangan daripada pembelajaran aktif dan berasaskan pengalaman yang diasaskan oleh John Dewey melalui bukunya *"Experience and Education"* pada tahun 1938, yang kemudiannya dikembangkan lagi oleh David Kolb, David Boud dan Donald Schön yang turut dikenali sebagai pelopor bidang ini (Rivera Pelayo & Verónica 2015). Secara tidak langsung, pengajaran reflektif dapat menonjolkan peranan guru sebagai saluran untuk menerapkan nilai keinsanan dalam diri pelajar (Rosnijah & Adawiyah, 2019).

Dalam berdepan dengan cabaran kehidupan semasa, penerapan nilai keinsanan menjadi satu keperluan yang mendesak. Kelekaan manusia dalam dunia teknologi terutamanya dalam aspek berkomunikasi dan hubungan secara maya melalui pelbagai media secara tidak langsung memberi kesan negatif dalam pembentukan perwatakan pelajar. Pelajar lebih terhubung dengan pelbagai aplikasi dalam gajet dalam genggaman mereka, berbanding untuk berinteraksi sesama manusia (Wahyudi Setiawan, 2017; Rosnijah & Adawiyah, 2019). Banyak urusan kehidupan manusia dalam dunia teknologi sekarang ini telah diambil alih peranannya oleh robot dan mesin (Shwab, 2016).

Meskipun robot dan mesin mampu memudahkan urusan dan memberi keselesaan dalam hidup manusia, namun kebahagiaan manusia tidak akan dapat dicapai tanpa memenuhi keperluan domain intelek, spiritual dan emosi. Ketiga-tiga domain ini memerlukan sentuhan manusia. Selaku makhluk yang fitrahnya bermasyarakat, manusia saling memerlukan antara satu sama lain dalam memenuhi keperluan asas seperti yang dinyatakan oleh dalam Teori Hierarki Maslow (Robert S. Feidman, 2003). Keperluan tersebut meliputi keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan sosial, keperluan nilai diri dan keperluan hasrat diri (John W. Santrock, 2003).

Dari sudut psikologi, gangguan yang berlaku terhadap keperluan asas ini akan mendorong kepada pola berfikir negatif yang membawa kepada putus asa (Mac Leod, 2005) dan menganggu nilai kepuasan hidup dalam diri seseorang (Ji Young, 2007). Jika tidak ditangani segera dengan sebaiknya, pola berfikir negatif tersebut boleh mengundang kepada masalah kesihatan mental termasuklah bunuh diri atau cubaan membunuh diri dan perbuatan yang membahayakan orang lain (Teasdale, 1983).

Dalam masa yang sama, penggunaan teknologi secara tidak langsung meningkatkan

kadar pengangguran apabila banyak kerjaya diambil alih oleh komputer atau mesin (Mulyani, 2018). Kos sara hidup yang meningkat turut mengundang masalah sakit mental dalam kalangan masyarakat. Isu negatif dalam kehidupan manusia seperti gengsterisme, hedonisme, vandalisme serta salah laku jenayah berpunca daripada emosi individu yang tidak stabil lantaran pola berfikir negatif ketika berhadapan dengan ekosistem sosial dan ekonomi yang tempang (Charoensuk, 2007). Tekanan kehidupan tidak dapat diurus dengan baik kerana tiada pegangan dan panduan hidup.

Kewujudan pelbagai jenis teknologi automasi atau robotik tidak mampu menangani isu-isu yang dinyatakan. Penyelesaian masalah tersebut harus berbalik kepada penekanan nilai ambil peduli dan empati sesama manusia supaya tekanan kehidupan dapat diatasi dengan pola fikir dan tindakan yang positif dan membina. Masyarakat perlu menjadi pihak yang memberi sokongan sosial kepada individu yang berdepan dengan tekanan kehidupan dengan memperkuuhkan semula nilai kasih sayang dan saling membantu sesama insan (Mohd Noor, 2017).

Justeru, pengajaran reflektif perlu diperkuuhkan dengan matlamat (i) membangunkan domain intelek, emosi, spiritual dan fizikal pelajar secara bersepada dan efisyen serta (ii) menyerlahkan elemen kemanusiaan dalam kehidupan seharian supaya bukan sahaja mengecapi kebahagiaan, malah dapat pula membahagiakan orang lain dalam lingkungan mereka (Al-Attas, 1980). Lantaran itu, artikel ini membincangkan nilai *al-suhbah* sebagai satu elemen penting dalam pengajaran reflektif yang dapat membantu menjayakan matlamat pendidikan iaitu membangunkan insan yang bersepada, seimbang dan berpotensi menyumbang kepada kesejahteraan diri, masyarakat, agama dan negara.

### **1.1 KONSEP AL-SUHBAH: KAITANNYA DENGAN PENGAJARAN REFLEKTIF**

*Al-Suhbah* menurut *Lisan al-<sup>c</sup>Arab* adalah merujuk kepada perihalan kebersamaan, kesepakatan dan kerasian dalam hubungan dua hala antara dua orang dan lebih. Ia berasal dari perkataan *Sahiba* (Ibn Manzur, 1414 H). Sementara itu, nilai *al-Suhbah* dalam artikel ini dirujuk dari dua bahagian ayat Al-Quran iaitu ayat 29 Surah Al-Fath dan ayat 60 hingga 82 Surah Al-Kahfi. Penghuraian *al-Suhbah* dari ayat yang dinyatakan adalah menerusi proses *tadabbur* berteraskan nilai *Lataif Quraniyah* yang disandarkan kepada kepada Imam Fakhr al-Din al-Razi melalui al-Tafsir al-Kabir yang juga dikenali sebagai *Mafatih al-Ghayb*.

*Lataif Quraniyah* adalah merujuk kepada perihalan kehalusan perasaan semasa mentadabbur al-Quran. Proses *tadabbur* berteraskan nilai *Lataif Quraniyah* ini menjurus

kepada domain afektif yang membawa rasa terhubung seorang insan dengan Penciptanya yang bersifat *al-Rahman & al-Rahim*, seraya menterjemahkannya dalam kehidupan dengan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh terunggul (Ahmad Fakhrurrazi, 2018). *Al-Suhbah* pula adalah proses – seumpama *tadabbur* – bagi mewujudkan keterhubungan dan ikatan signifikan pada domain afektif antara murid dengan guru sehingga memperolehi kesepadan ilmu, amal dan adab dalam praktikal kehidupan sehari-hari.

Merujuk kepada ayat 29 Surah Al-Fath yang bermaksud: “Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engku melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaanNya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat muka mereka - dari kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam Kitab Taurat; dan sifat mereka di dalam Kitab Injil pula ialah: (bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang-orang yang menanamnya. (Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad, s.a.w dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana ia hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki - dengan kembang biaknya umat Islam itu. (Dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar.” (Al-Fath: 29), terdapat beberapa prinsip penting yang menjelaskan nilai *al-Suhbah* dalam pendidikan.

Pertama, aspek *al-Ma'iyah* atau kebersamaan antara guru dan murid. Prinsip ini diambil dari potongan ayat “Dan orang-orang yang bersamanya (Nabi Muhammad SAW)” dengan merujuk Nabi Muhammad SAW sebagai guru dan para sahabat baginda sebagai murid. Kedua, sahabat atau murid Rasulullah SAW yang sering bersama Rasulullah SAW sedaya upaya mengikuti watak dan pekerti mulia baginda sebagai mengharap kurnia dan keredaan Allah SWT. Ketiga, perumpamaan pohon subur yang digambarkan dalam ayat tersebut menunjukkan proses pendidikan yang dilakukan dengan beransur-ansur dan ikhlas dari seorang guru dapat memberi impak yang besar kepada lingkungan masyarakatnya (Yasin, Abd. Al-Salam, 2018).

Konsep *Ma'ciiyah* (kebersamaan) yang dinyatakan dalam surah al-Fath tersebut, telah dihuraikan pula dalam bentuk praktikal menerusi ayat 60 hingga 82 surah Al-Kahfi. Nilai *al-Suhbah* yang terkandung di dalamnya konsep *Ma'ciiyah* merupakan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan pengalaman secara langsung digambarkan melalui kebersamaan Nabi Khidir AS dengan Nabi Musa AS ketika bermusafir. Terdapat beberapa pertanyaan yang dikemukakan oleh Nabi Musa AS menjadi sebab berlakunya pelanggaran syarat yang ditetapkan oleh Nabi Khidir AS. Di penghujung permusafiran mereka, Nabi Khidr memberikan refleksi terhadap setiap peristiwa yang berlaku sehingga membawa keinsafan (domain afektif) terhadap Nabi Musa. Selain dari penjelasan ilmu dari Nabi Khidir AS terhadap persoalan yang tidak diketahui oleh Nabi Musa AS, penekanan nilai adab, khidmat dan takzim dalam hubungan guru dan murid juga ditekankan (Ali Jumuah, 2019).

Berdasarkan prinsip dan nilai yang diambil dari kedua bahagian ayat Al-Quran ini, nilai *al-Suhbah* dapat diertikan sebagai satu proses perdampingan atau kebersamaan antara guru dan murid dalam tempoh kongruen dan signifikan dengan aktiviti pelbagai yang dilakukan bersama dengan tujuan mewariskan ilmu secara teori mahupun praktikal serta perwatakan terpuji kepada murid. Dengan kefahaman terhadap nilai *al-Suhbah* yang dinyatakan, boleh dikatakan *al-Suhbah* menjadi metod penting dalam pendidikan mengikut tradisi keilmuan Islam (Nor Hanani Ismail, 2019). Peranan guru yang dimainkan dalam nilai *al-Suhbah* bukan sekadar pengajar atau menyampai ilmu, tetapi juga pemberi panduan dan bimbingan kehidupan serta pembentuk adab dan akhlak dalam diri pelajar (Syaidatun Nazirah et al. 2019). Kemuncak bimbingan yang ingin dicapai dalam proses *al-Suhbah* dan pendidikan dalam Islam adalah akhlak yang terpuji dalam hubungan dengan Allah SWT, diri dan masyarakat secara menyeluruh (Muhammad Hasanul Arifin, 2019).

Meneliti aspek hubungan guru dan murid yang lazim dibincangkan dalam pendidikan, nilai *al-Suhbah* menekankan domain pembinaan rohani dan peribadi. Kebersamaan guru dengan pelajar dalam *al-Suhbah* melangkaui perbincangan mengenai pelajaran atau pencapaian akademik pelajar. Bahkan, *al-Suhbah* menjangkaui keprihatinan guru terhadap urusan gred peperiksaan pelajar. *Al-Suhbah* memberi perhatian mendalam terhadap pembinaan nilai kemanusiaan yang sempurna dalam diri pelajar. Oleh itu, tujuan *al-Suhbah* itu meliputi urusan kebahagiaan pelajar dalam kehidupannya di dunia dan di akhirat (Nor Azizah et al, 2019).

Kesan langsung daripada pendekatan *al-Suhbah* yang dicerna menggunakan konsep

*Lataif Quraniyah* dalam mentadabbur ayat-ayat al-Quran yang berkaitan (al-Khalidi, 1992), akan membangkitkan jiwa keinsanan dengan menjadikan elemen kasih sayang sebagai dasar pembawaan dan perwatakan. Satu aspek penting bagi guru yang mempraktikkan nilai *al-Suhbah* ialah melakukan aktiviti bersama pelajar termasuk meluangkan waktu selepas pembelajaran formal di kelas dengan pelajar. Dalam tempoh pergaulan tersebut, guru dan pelajar saling membina hubungan, mengenali serta memahami sehingga dapat mencungkil potensi, bakat dan kekuatan diri untuk diperkuuhkan menjadi insan yang sempurna (kamil) (Mohd. Anuar, 2018 ; Nor Azizah et al. 2019). Sekalipun *al-Suhbah* ditujukan kepada membantu pelajar mencapai kecemerlangan akademik, bimbingan yang diberikan oleh guru bukan sekadar pemahaman ilmu teori yang bersifat abstrak serta dinilai berdasarkan gred atau markah, tetapi proses kebersamaan tersebut meliputi aspek penghayatan dan pengamalan ilmu dalam kehidupan. Pelajar dibangunkan dalam segenap sudut agar menjadi sebab kebaikan kepada manusia sejagat, tanpa mengira agama, bangsa dan sebagainya.

Apabila nilai *al-Suhbah* diintegrasikan dalam pengajaran reflektif guru dapat membantu pelajar menghadapi segala isu dan cabaran kehidupan dengan optimis dan berkeyakinan (Shamsiah & Nil Farakh, 2015). Pergaulan yang positif antara guru dengan murid boleh mengubah perspektif ke arah yang lebih baik khususnya dalam membuat penaakulan konseptual terhadap erti sebuah kewujudan dalam konteks masing-masing (Sugerman, Deborah A., 2000; Boyd, Evelyn & Fales, 1983). Integrasi *al-Suhbah* dalam pengajaran reflektif mempengaruhi pemikiran dan pertimbangan rasional para pelajar dalam mengambil tindakan yang sewajarnya terkait realiti yang terbentang di hadapannya (Jasper & Melanie, 2003) kerana kedua-duanya bertemu dalam titik metakognitif dan proses penaakulan dalaman yang menghidupkan nilai keinsanan. Hasilnya, pembawaan dan perwatakan pelajar yang lebih baik dapat dibentuk (Nor Hanani, 2019).

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang bertujuan mengenalpasti nilai *al-Suhbah* dalam pengajaran reflektif dan seterusnya mendapatkan maklumbalas pelajar mengenai nilai *al-Suhbah* yang diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pemilihan rekabentuk kajian kualitatif ini adalah untuk memahami dan menghuraikan fenomena. Penyelidik dalam menyelami perasaan responden, proses berfikir dan emosi yang sukar diperoleh melalui soal selidik (Patton 1990; Lichtman, 2006)

Kajian secara kualitatif ini melibatkan temubual dan pemerhatian terhadap 53 orang pelajar tahun tiga jurusan tafsir Al-Quran. Kajian ini berlangsung selama satu semester dalam

kursus Pendidikan Al-Quran . Pengkaji sendiri bertindak sebagai instrumen utama semasa proses pengutipan data dan analisis. Keadaan ini membolehkan pengkaji mendapatkan pengalaman dan pandangan daripada perspektif responden secara terus (Lichtman, 2006; Norsakinah, 2019).

Sepanjang kajian ini, terdapat 3 perkara yang ditekankan sepanjang proses *al-Suhbah* yang dilaksanakan oleh pensyarah bagi memastikan domain kognitif, afektif dan spiritual dibangunkan secara sepenuhnya. Tiga prinsip tersebut terdiri dari, (i) pensyarah secara berterusan mengingatkan pelajar untuk sentiasa bersangka baik dan berfikiran positif, (ii) pensyarah dan pelajar mengamalkan selawat secara bersama dengan konsisten, (iii) menghadiahkan Al-Fatihah kepada ibubapa, para guru dan ulama serta (iv) penekanan kepada budi pekerti dan komunikasi yang baik.

Kesepadan pembangunan domain kognitif, afektif, spiritual dan psikotor dilakukan melalui lima aktiviti utama. Pertama, perbincangan (i) huraiyan tafsir ayat 2 Surah Al-Jumuah dan Hadis Jibrail dan (ii) pembacaan serta bedah buku Konsep al-Lataif Menurut Imam Fakhr al-Din Al-Razi dalam Mafatih Al-Ghayb.

Perbincangan ayat 2 Surah Al-Jumuah dan Hadis Jibrail yang dilakukan di peringkat ini adalah untuk membentuk kepercayaan pelajar mengenai tujuan pendidikan menurut Al-Quran serta komponen utama dalam Ad-Din. Kefahaman pelajar dinilai berdasarkan lakaran peta minda yang dibina. Manakala perbahasan ilmiah dari buku Konsep Al-Lataif pula bertujuan membangkitkan elemen parasaan atau afektif tatkala berinteraksi dengan al-Quran dengan memahami dan mengaplikasikan konsep *Lataif Quraniyah*. Kefahaman pelajar dinilai berdasarkan refleksi bertulis yang diserahkan selepas tamat kuliah.

Kedua, pelajar telah dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk menganjurkan tiga program iaitu i) Program Mobiliti ke Ruwaq Jawi, Kaherah, Mesir, ii) Program Wacana “Deradikalisa dan Rehabilitasi - Pengalaman, Realiti dan Cabaran di Malaysia” dan iii) Program Wacana “Asas Faham Agama dalam Konteks Pendidikan al-Quran.” Tugas untuk menganjurkan program luar kelas ini bertujuan mencungkil bakat dan memberi peluang kepada pelajar untuk merasai ‘nilai dan makna’ atas tanggungjawab yang digalas. Serentak dengan itu, pelajar dapat mempraktikkan sifat-sifat terpuji sepanjang mengurus jaya program yang ditentukan dalam kumpulan masing-masing.

Ketiga, khusus untuk domain kerohanian, semua pelajar diminta menyertai majlis zikir

yang dilangsungkan di Kediaman Rasmi Menteri Besar Selangor. Selain melalui pendidikan kerohanian, pelajar diberi peluang untuk bergaul dengan golongan pertengahan dan atasan. Seterusnya, pelajar juga terlibat dalam program Street Dakwah yang melibatkan majlis zikir bersama golongan kurang bernasib baik dan gelandangan di Chow Kit Road. Interaksi pelajar bersama kedua-dua golongan dengan status sosial yang berbeza ini bertujuan untuk pelajar boleh membuat refleksi mandiri dalam memandang letak duduk diri masing-masing dalam masyarakat.

Keempat, di hujung semester pelajar dikehendaki melakukan refleksi secara lisan iaitu dalam sesi temubual dengan pensyarah. Melalui temubual bersemuka, pengkaji dapat mencungkil maklumat secara mendalam dan memperolehi kefahaman mengenai sesuatu perkara dari sudut perspektif peserta kajian. Pelajar ditanya berkenaan dengan tiga perkara, i) nilai yang diperolehi, ii) perkara yang paling dihargai sepanjang PdP dalam subjek dan iii) azam untuk umat Nabi saw. Mereka diberi ruang untuk menjawab secara terbuka dan spontan.

Pada keempat-empat aktiviti ini, pelajar diminta memberikan refleksi sama ada secara menulis ataupun menyampaikan refleksi dengan lisan melalui temu bual. Semua refleksi tersebut direkodkan dan dijadikan data untuk dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti dan disusun secara tematik bagi melihat kesan nilai *al-Suhbah* yang diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian bersifat komprehensif, holistik dan deskriptif tetapi tidak dapat digeneralisasikan kepada konteks, peserta dan tempat lain (Patton, 1990).

### **3.0 DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan refleksi pelajar yang telah dianalisis, terdapat beberapa tema yang muncul bagi setiap aktiviti yang dilalui oleh mereka:

I) Perbincangan ilmiah ayat 2 Surah Al-Jumuah, Hadis Jibrail dan Konsep Al-Lataif Reaksi positif pelajar yang menunjukkan kefahaman terhadap perbahasan tajuk-tajuk ini dikenalpasti berdasarkan luahan mereka:

*“Perbincangan mengenai topik ini banyak memberi kesan dan refleksi kepada diri saya kerana ia banyak menghuraikan tentang kerohanian, pengharapan dan keterhubungan manusia dengan Allah.”* (Refleksi Pelajar D, 2019).

*“Ia (Lataif Quraniyah) banyak melatih saya dalam memahami proses tadabbur dan tazakkur yang amat relevan pada masa kini bagi mengembalikan jiwa cinta al-Quran dalam*

*masyarakat kini.*" (Refleksi Pelajar G, 2019).

*"Perbincangan Lataif dengan gabungan kedua-dua nas ini sedikit sebanyak mendidik hati saya agar berusaha untuk mencintai al-Quran dengan cara bertadabbur, kerana al-Quran itu sendiri merupakan penawar kepada segala masalah."* (Refleksi Pelajar K 2019).

Selain itu, pelajar itu berkongsikan kefahaman mereka dalam penjagaan hati (TB Pelajar M 2019), kepentingan tadabur Al-Quran (TB Pelajar T 2019) dan pengetahuan tentang seni penyampaian dalam Al-Quran (TB Pelajar L, 2019).

## II) Penganjuran program di luar kelas

Melalui penganjuran program, pelajar menyatakan bahawa mereka beroleh keyakinan diri untuk pikul amanah dan tanggungjawab, rasa dihargai, dapat bekerjasama dalam kumpulan, menambah kefahaman terhadap penjelasan di dalam kelas dan rasa syukur. Antara komen pelajar:

*"Selama ini saya memang tak terlibat dengan penganjuran mana-mana program. Ini kerana saya rasa tidak yakin dan malu untuk menawarkan diri untuk turut terlibat. Tapi, dalam subjek ini, kawan-kawan telah **memberikan saya peluang** kerana ustaz mensyaratkan pembahagian tugas secara sama rata. **Rupa-rupanya, saya boleh melakukannya.**"* (TB Pelajar A, 2019).

*"Saya tidak dapat lagi mengelak daripada menerima peranan yang diberikan untuk menguruskan penganjuran wacana. Sepanjang satu semester merancang, **saya berasa dihargai dan rasa semakin menghargai kawan-kawan dalam kumpulan kami.** Memang amat gembira apabila panel yang dijemput turut memuji penganjuran wacana kami ini. Alhamdulillah."* (TB Pelajar C, 2019).

*"Perbincangan asas yang ustaz berikan semasa dalam kuliah, telah dihuraikan dengan lebih lanjut oleh panel jemputan. Bahkan, panel memberikan contoh-contoh yang benar-benar dari pengalaman beliau sendiri. Saya rasa **lebih dapat memahami topik wacana dengan lebih mendalam.**"* (TB Pelajar W, 2019).

*"Dalam satu perbincangan dengan kawan-kawan dalam kumpulan, kami dapat memahami **keterkaitan tajuk-tajuk** wacana yang kita laksanakan dengan konsep Lataif yang ustaz huraikan. Ia ada kaitan dengan **aspek Ilmu Fardhu Ain sebagai pengetahuan asas,***

*dan juga cara mendepani ancaman golongan radikal juga.” (TB Pelajar S, 2019).*

*“Pengalaman menyertai program Mobiliti ke Mesir memang suatu yang sukar diungkapkan **kegembiraannya dan nilai yang saya perolehi**. Pelbagai perkara yang saya perolehi, terutamanya dalam **aspek suhbah secara praktikal**, setelah ustaz menghuraikannya di dalam kelas, **Rasa syukur** sangat. Alhamdulillah.” (TB Pelajar N, 2019).*

### III) Penyertaan dalam Majlis Zikir dan Street Dakwah

Setelah menyertai Majlis Zikir dan Street Dakwah, pelajar menyatakan bahawa mereka beroleh ketenangan, dapat melatih sangka baik, lebih menghayati cinta nabi serta lebih positif terhadap diri dan orang lain.

*“Perasaan saya sebelum menyertai majlis zikir ini, saya merasakan tidak sabar untuk sampai ke destinasi. Apabila selesai, perasaan **saya sangat gembira, tenang**, dan merasakan hati ini disentuh dengan sedikit keinsafan kerana jarang menyertai majlis zikir dan solawat sebegini.” (TB Pelajar G, 2019).*

*“Dengan menyertai majlis zikir ini dapat **merawat jiwa** saya yang serabut kerana setiap detik zikir ada maksud-maksud yang tersirat dan indah sehingga kita meminta daripada Allah supaya menghapuskan dosa-dosa kita ini.” (TB Pelajar P, 2019).*

*“Saya berasa **sangat bersyukur** kerana diberi peluang menghadiri majlis zikir ini dan dapat memberi perubahan kepada rohani saya terutama sekali, saya **berhenti daripada membandingkan diri saya dengan orang lain**, malahan bersyukur dan meyakini bahawa manusia tersedia kelebihan dan kekurangan, dan dari situlah manusia itu saling menyempurnakan.” (TB Pelajar K, 2019).*

*“Saya yakin bahawa **Allah akan tolong** bersamaan dengan usaha kita. Saya juga dapat mengubah cara fikir saya bahawa saya mampu. Tidak seperti sebelum ini saya mudah mengalah dan mudah mengundur diri.” (TB Pelajar L, 2019).*

### IV) Refleksi akhir penghujung semester

Dalam refleksi hujung semester, pelajar meluahkan rasa puas hati kerana rasa merasai sendiri pengalaman bersama masyarakat dan memberi nilai tambah dalam hidup mereka. Pelajar juga menyatakan keazaman mereka untuk berbakti kepada masyarakat. Meskipun mereka dapat melakukan tugas dengan baik, namun mereka mengakui bahawa panduan

dan penjelasan guru adalah sangat penting.

*“Subjek ini memang menyeronokkan. Saya berasa lebih dapat menjawai erti dan nilai kemanusiaan. Kalau sebelum ini, kita hanya belajar dan berbahas dalam kuliah, tapi setelah melihat sendiri keadaan masyarakat di luar, terutamanya semasa program Chow Kit tu, saya rasa insaf dan perlu banyak membantu. Ramai lagi yang tidak bernasib baik dalam kehidupan.”* (TB Pelajar B, 2019).

*“Subjek ini menggabungkan semua aspek yang selama ini hanya dalam kuliah. Aktiviti-aktiviti luar, adalah yang paling memberikan nilai dalam kehidupan saya. Itulah agaknya Lataif yang ustaz selalu bahaskan.”* (TB Pelajar P, 2019).

*“Melaksanakan aktiviti bersama-sama ustaz di luar kuliah, membuatkan saya lebih bermakna sebagai pelajar. Ia menambah rasa kejujuran saya dalam pelbagai perkara. Paling penting, ini kali pertama saya mengikuti majlis zikir dan program kemanusiaan bersama pensyarah saya sendiri. Saya rasa, suhbah hanya dapat difahami melalui aktiviti, bukannya diskusi.”* (TB Pelajar H, 2019).

*“Azam dan cita-cita saya, saya ingin menjadi penyebar kebaikan kepada semua manusia. Itulah yang saya dapat sepanjang subjek ini di mana ustaz mempraktikkan suhbah dengan kami.”* (TB Pelajar M, 2019).

*“Dalam kajian Lataif dan praktikal suhbah, saya rasakan kesemua domain diri saya telah difungsikan. Tapi, tetaplah saya tidak akan faham, jika ustaz tidak menyimpulkan semua aktiviti kita di hujung semester.”* (TB Pelajar D, 2019).

#### 4.0 PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan analisis refleksi pelajar, kajian ini mendapati bahawa pemupukan rasa cinta kepada Al-Quran dan penghayatan terhadap isi kandungan Al-Quran dapat dilakukan dengan mengaplikasikan pendekatan *Lataif Quraniyah*. Pendekatan *Lataif Quraniyah* memberikan jalan untuk pembaca Al-Quran berasa dekat dengan Allah SWT ketika membaca Kalam-Nya sehingga timbul rasa tenang. Situasi ini menjelaskan kemukjizatan dan kelebihan Al-Quran yang berperanan sebagai rahmat dan syifa dalam hati orang mukmin (Fathiyah et al. 2018).

Penjelasan menyeluruh mengenai al-Din dan matlamat Pendidikan al-Quran melalui ayat al-Quran dan Hadis secara bersepada membantu dalam pembentukan sistem

kepercayaan dan pemikiran pelajar (Intan Zakiah et al. 2018). Pelajar menyatakan lebih menghayati Ad-Din lantaran sistem pemikiran atau pandangan alam mereka diluruskan sehingga isi kandungan kursus dirasakan relevan dalam kehidupan mereka (Syaidatun Nazirah et al. 2019). Pemupukan kefahaman ini memerlukan aplikasi nilai *al-Suhbah* dari guru yang melihat pendidikan lebih dari urusan silibus dan peperiksaan semata-mata (Abdul Muhsien, 2014).

Seterusnya, nilai *al-Suhbah* merangkumi hubungan guru dengan pelajar di luar bilik kuliah. Potensi, bakat dan kekuatan diri pelajar lebih mudah dikenalpasti dan diperkuuhkan dengan memberikan tanggungjawab dan peranan kepada pelajar (Nor Hanani 2019). Keperluan manusia untuk rasa dihargai dan rasa penting dalam kelompok masyarakatnya dapat dipenuhi dengan memberi tugas kumpulan yang bersifat mencabar, praktikal dan mampu diselesaikan pelajar (Ridzuan et al. 2018). Secara tidak langsung, prinsip pembelajaran berdasarkan pengalaman dan pembelajaran kontekstual dapat diaplikasi menerusi pendekatan pengajaran reflektif yang diintegrasikan dengan nilai *al-Suhbah* (Nor Hanani, 2019).

Penglibatan pelajar dalam majlis zikir dan street dakwah memberi ruang pelajar berada dalam suasana sebenar. Justeru, kesan kepada emosi dan pemikiran pelajar lebih mendalam berbanding dengan pengajaran secara teori di dalam kelas (Syaidatun Nazirah et al. 2019). Peluang bergaul dengan pelbagai lapisan masyarakat menyediakan satu ruang pengalaman yang dapat menyuburkan nilai kemanusiaan seperti kebaikan, keadilan, kesyukuran dan kasih sayang. Pengalaman seperti ini mungkin sahaja sukar diperolehi apabila pelajar berada dalam lingkungan keluarga atau kehidupan peribadi mereka (Syahruan et al. 2016).

Di peringkat guru pula, persiapan yang diberikan kepada pelajar bukan sekadar dari aspek luaran seperti maklumat umum, aturcara program atau adab berkomunikasi tetapi juga aspek batin seperti memperbanyakkan selawat dan zikrullah sepanjang program berlangsung. Panduan ini sebagai mengingatkan pelajar untuk bergantung harap kepada Allah SWT pada setiap keadaan memandangkan setiap program dan situasi terdedah kepada elemen luar jangka dan tidak dirancang. Dengan itu, nilai hikmah dan peribadi yang terpuji dalam diri pelajar dapat dibentuk (Mohd Anuar, 2019, Nor Azizah et al. 2019)

Selanjutnya, refleksi yang dilakukan oleh pelajar di hujung semester membantu pelajar membina kesedaran terhadap input dan pengalaman yang dilalui oleh mereka. Tanpa

membuat refleksi aspek kognitif dan afektif kurang dapat disepadukan kerana pengalaman tersebut tidak dimasukkan dalam kesedaran pelajar (Syahruan et al. 2016). Refleksi membantu pelajar mengenalpasti perasaan diri sendiri serta meluahkannya setelah melalui proses berfikir, merenung dan bertafakur. Emosi yang disedari selanjutkan akan menghasilkan tindakan (Shamsiah & Nik Farakh, 2015).

Tema nilai kemanusiaan yang ketara dalam analisis data menunjukkan kesan positif aktiviti pembelajaran menerusi nilai *al-Suhbah* dalam diri pelajar. Pengajaran reflektif dalam kursus ini membangkitkan nilai dan makna yang tersendiri dalam diri pelajar . Nilai dan makna ini pula mereka refleksikan sendiri dalam konteks kehidupan mereka sekarang (Shamsiah & Nik Farakh, 2015) , samada berkaitan dengan isu keluarga, teman istimewa, rakan-rakan dan cita-cita masa hadapan (Hanipah, 2004).

Nilai cinta Rasul SAW serta pelaziman zikir dan selawat menumbuhkan sikap positif dalam diri pelajar. Pengakuan pelajar mengenai elemen ‘Cinta Nabi’ yang hanya berada dalam kefahaman dan perkataan tetapi tidak dalam jiwa dan perasaan menunjukkan bahawa pengajaran yang berteraskan kuliah dan peperiksaan tidak cukup untuk membentuk insan yang baik dan bahagia. Melalui nilai *al-Suhbah*, pelajar menyedari kepentingan elemen ‘Cinta Nabi’ dalam konteks Pengajian Islam supaya dapat menghidupkan jiwa mereka (domain afektif). Maklum balas pelajar mengenai keseronokan berada dalam majlis zikir pula memberi indikator terhadap keperluan manusia mengisi domain spiritual dengan zikir (Mohd Anuar & Muhammad Mustaqim, 2019). Elemen cinta Nabi dan zikir menjadi asas kepada perkembangan nilai manusawi pelajar yang dapat menjayakan tujuan dan matlamat pendidikan sebenar (Javed Jamil, 2019).

## **5.0 CADANGAN DAN KESIMPULAN**

Lantaran itu, kajian ini mencadangkan beberapa perkara untuk mengintegrasikan nilai *al-Suhbah* dalam pengajaran reflektif terhadap pelajar. Pertama, majlis zikir diadakan secara konsisten di pusat Islam semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) sebagai memenuhi keperluan afektif para pelajar pada peringkat yang paling asas. Kedua, sistem mentor atau penasihat akademik diintegrasikan dengan nilai *al-Suhbah* supaya lebih seimbang penumpuan terhadap kesepadan pembangunan diri pelajar. Ketiga, khusus untuk IPT yang tidak terdapat pengajian Islam, maka pegawai Hal Ehwal Islam di Pusat Islam perlu diberi ruang untuk memainkan peranan dalam melaksanakan pendekatan *al-Suhbah* bersama para pelajar dengan meraikan latar belakang dan situasi IPT masing-masing. Keempat, nilai *al-Suhbah* yang dicerna daripada konsep *Lataif Quraniyah* menonjolkan kepentingan hubungan baik

antara guru dan murid. Hubungan baik tersebut meliputi hubungan secara kerohanian menerusi amalan zikir dan selawat yang dilakukan secara bersama dan konsisten oleh guru dan murid serta aktiviti bersama di luar bilik kuliah. Kesemua cadangan ini bukan sekadar untuk merangka pengajaran dan pengalaman yang bermakna untuk pelajar, tetapi juga sebagai wadah untuk menyeimbangkan kehidupan pelajar yang banyak dipengaruhi penggunaan teknologi dengan nilai keinsanan.

Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan strategi mengintegrasikan nilai *al-Suhbah* dalam pengajaran reflektif. Gabungan aktiviti pembelajaran yang bersifat kognitif, afektif, psikomotor dan spiritual yang dilaporkan merintis satu bentuk pendekatan hubungan antara guru dan pelajar yang menjangkaui urusan akademik dan peperiksaan semata-mata. Hubungan guru dan pelajar tersebut membantu dalam memenuhi keperluan emosi dan rohani pelajar sehingga mencetuskan nilai yakin dan sangka baik kepada Allah SWT serta nilai kebaikan, keadilan, kasih sayang sesama makhluk. Inovasi pendekatan pengajaran yang berteraskan nilai *al-Suhbah* ini terbuka kepada semua jurusan dan bidang pengajian untuk diperlakukan oleh para pensyarah atau pendidik. Dengan ini, individu pelajar yang seimbang dan sepadu dapat dibangunkan dalam masyarakat Malaysia.

## 6.0 PENGHARGAAN

Kajian ini telah mendapat pembiayaan daripada geran penyelidikan GGPM-2019-017 bertajuk “*Lataif Quraniyah sebagai Model Tadabbur al-Quran*”. Penghargaan juga ditujukan kepada kepada Penerbit UKM yang menerbitkan buku “Konsep al-Lataif Menurut Imam Fakhr al-Din al-Razi”.

## RUJUKAN

- Al-Attas, M. N. (1980). *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Abdel-Khalek, A. M. (2010). Quality of life, subjective well-being, and religiosity in Muslim college students. *Quality of Life Research*, 19(8), 1133–1143.
- Abdul Muhsien Sulaiman (2014). Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Akhlak Murid Dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib Al-Makki (W.386h/996m), Tesis Phd UM
- Abdullah Haddad (1999), *Nasihat Agama dan Wasiat Iman*, Singapura: Pustaka Nasional.

Abdullah, M. A., & Abdullah, M. A. (2007). *Islamic studies dalam paradigma integrasi interkoneksi: sebuah antologi*. Suka Press.

Ahmad Fakhrurrazi, M.Z.. (2018). *Konsep al-Lataif Menurut Imam Fakhr al-Din al-Razi*. Bangi: Penerbit UKM.

Ahmad Rusydi, (2012). Husn Al-Zhann: Konsep Berpikir Positif Dalam Perspektif Psikologi Islam Dan Manfaatnya Bagi Kesehatan Mental, *Proyeksi*, 7(1) ,1-31.

Ali Jumaah. (2019). *Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islamiy*. Kaherah: Dar al-Wabil al-Sayyib.

Boyd, E. M.; Fales, A. W. (1983). Reflective Learning. *Journal of Humanistic Psychology*, 23 (2): 99–117. doi:10.1177/0022167883232011. ISSN 0022-1678.

Brockbank, A., & McGill, I. (2006). *Facilitating reflective learning in higher education*. McGraw-Hill Education (UK).

Charoensuk, S. (2007). Negative Thinking: A Key Factor In Depressive Symptoms In Thai Adolescents. *Mental Health Nursing, Volume*, 28 (1),55-74

Fathiyah Mohd. Fakhruddin, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Lukman Abd Mutualib, & Wan Marzuki Wan Jaafar. (2018). Pembelajaran Murid Tahfiz Sekolah Agama Kerajaan Di Malaysia: Bentuk Adab Dan Amalan Murid Yang Dilaksanakan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(7), 18–30.

Hanipah Hussin (2004) *Learning to be reflective from theory to practices: Malaysia experiences*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Ibn Manzur, Muhammad Bin Mukram Bin Ali. (1414 H). *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar al-Sadir.

Intan Zakiah Jamaluddin, Mohamad Khairi Othman, Mohd Zailani Mohd Yusoff, & Mardzelah Makhsin. (2018). Kaedah Pengajaran Subjek Hifz Al-Qur'an Terhadap Pelajar Tahfiz Di Marsah, Johor. *Jurnal Hadhari*, 10(1), 109–124.

Javed Jamil (2019) Purpose of the creation of man: Quran's true version of anthropic principle.

*International Journal of Islamic Thought*, 16, 51-63.

Ji Young Jung. (2007). Positive-Thinking and Life Satisfactionamongst Koreans. *Yonsei Medical Journal*, 48(3), 371-378.

John W. Santrock (2003), *Psychology*, USA: McGraw-Hill Education

Johnson, B., & Christensen, L. (2000). *Educational research: Quantitative and qualitative approaches*. Allyn & Bacon.

Al-Khalidi, Salah cAbd al-Fattah. (1992). *Lata'if Qur'aniyyah*. Jil. 1. Dimashq: Dar al-Qalam.

Lichtman, M. (2006). *Qualitative research in education: A user's guide*. Thousands Oaks, CA: Sage Publications.

Mac Leod, A.K.(2005). Hopelessness and Positive and Negative Future Thinking in Parasuicide. *British Journal of Clinical Psychology*, 44(4), 495–504.

Marohaini, Y. (2004). Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian. *Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya*.

Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50: 370-396.

Maslow, A. H. (1954). *Motivation and Personality*. NY: Harper.

Mamat, M. A. (2019). Perkembangan Penulisan Karya Adab Al-'Alim Oleh Sarjana Islam: Satu Sorotan Ke Arah Penentuan Sumber Kepada Etika Profesional Perguruan Dalam Islam. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 1, 60-80

Mohd Anuar Mamat & Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2019). Keperluan Zikir Dalam Pembelajaran Menurut Manusrip Melayu: Kajian Terhadap MSS 2906 (B) Tibyān Al-Marām. *Journal of Al-Tamaddun*, 14(1), 37–51.

Muhammad Hasanul Arifin Zawawi. (2019). *Al-Ghazali and Academic Excellence: The Art of Soul-Based Learning*. Pertubuhan Pendidikan Futuwwah, Kuala Lumpur

Mulyani, S. (2018). Bicara Era Digital: Akan Ada Pergeseran Jenis Tenaga Kerja. *Detiknews*

Nor Azizah Mustapha, Fariza Md Sham & Ahmad Irdha Mokhtar (2019). Pendekatan dakwah targhib dan tarhib dalam membina adab remaja. *Jurnal Hadhari*, 11 (2), 267-289

Nor Hanani Ismail, (2019) Enhancing students' thinking skills: the use of real-world context in the problem solving method in the Islamic and Asian civilization course. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 11 (2),17-35.

Nor Sakinah Mohamad, (2019). Penambahbaikan Prestasi Melalui Pemahaman Sistem Pengajaran Dan Pembelajaran Ke Arah Inovasi Dan Amalan Terbaik. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 11(1),73–109.

Patton, M.Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. SAGE Publications, Inc,

Ridzuan Masri, Arman Ahmad, & Razlina Abd Rani. (2018). Maslow Theory in the Contexts of Fulfilling Basic Needs and its Role in Rising Organizational Performances: *Jurnal Hadhari*, 10(1), 1–27.

Rivera Pelayo, V. (2015). *Design and application of quantified self approaches for reflective learning in the workplace*. KIT Scientific Publishing.

Robert S. Feidman. (2003).*Essentials Of Understanding Psychology*, McGraw Hill Higher Education, USA

Rosnijah Arolah, & A'dawiyah Ismail. (2019). Peranan Guru Pendidikan Islam Membentuk Akhlak Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kunak Sabah. *Al-Hikmah*, 11(1), 74–87.

Shamsiah Md. Nasir, & Nil Farakh Sulaiman. (2015). Pemikiran Reflektif : Meneroka Amalan Pemikiran Siswa Pendidik, *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(2), 61–68.

Shwab, K. (2016). *The Fourth Industrial Revolution*. New York: Crown Business.

Sugerman, Deborah A. (2000). *Reflective Learning: Theory and Practice*, Kendall Hunt.

Syahruan Azan, N., Nur Surayyah, M. A., & Asmawati, S. (2016). Perapatan Hubungan Guru Dan Murid Serta Pengaruhnya terhadap Tingkah Laku Moral. *Jurnal Perspektif*, 7(1), 72–83.

Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Shamila Abu Hasan & Mohamad Zaki Samsudin, (2019) Human capital transformation as mediator between love for knowledge and excellent Muslim, *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 11 (2),1-16.

Teasdale, J.D. (1983). Negative Thinking in Depression: Cause, Effect, or Reciprocal Relationship?. *Advances in Behaviour Research and Therapy*, 5(1), 3–25.

Supriatna, U. S. (2016). Pengembangan Model Pembelajaran Komprehensif dalam Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial di Sekolah Dasar, *Jurnal Inovasi Pembelajaran*, 2(1), 319-333.

Setiawan, W., Suud, F. M., Chaer, M. T., & Rahmatullah, A. S. (2018). Pendidikan Kebahagiaan dalam Revolusi Industri 4. *AL-MURABBI: Jurnal Studi Kependidikan dan Keislaman*, 5(1), 101-120.

Yasin, Abd al-Salam. (2018). Kitab al-Ihsan. Beirut: Dar Lubnan lil al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.

Al-Zuhayli, Wahbah Mustafa. (1997). *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*, Dar al-Fikr al-Muasir, Dimasyq.